

Headline	Suami beralih arah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Mar 2014	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	837 cm ²
AdValue	RM 16,694	PR Value	RM 50,082



Suami beralih arah

Berbaik keterlaluhan dengan bekas isteri sehingga melukakan hati isteri sekarang

Catatan kes

BAGAIMANA agaknya seorang isteri dapat menahan perasaan yang geram dan sedih apabila melihat suami sendiri yang 'mesra terlampau' hubungannya dengan bekas isteri?

Itulah yang terjadi terhadap seorang isteri yang tidak menjangka hubungan terlalu baik suami dan bekas isterinya sehingga kini memusnahkan kehidupan rumah tangganya.

Memberi alasan berbaik dengan bekas isteri demi anak-anak, namun sudah tentu itu bukan lesen yang membenarkan mereka menjalinkan hubungan seolah-olah seperti suami isteri semula.

Biarpun secara sembunyi, si isteri dapat menghidu perbuatan suaminya yang baru beberapa tahun dinikahi itu, acap kali menghantar dan berbalas khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan bekas isteri.

Berbagai-macam diminta daripada duit untuk keperluan anak-anak yang telah pun dewasa, keperluan bayaran kereta sehinggalah ke duit pasar semuanya diminta kepada si bekas suami menyebabkan kebanyakan daripada wang bulanan untuk rumah tangga sendiri tidak mencukupi.

Suami dan bekas isterinya bercerai talak tiga menyebabkan mereka tidak boleh berbalik semula.

Bekas isteri pula seakan menunjuk-nunjuk kepada wanita berkenaan bagaimana akrobanya mereka walaupun setelah bercerai terutama dalam majlis-majlis yang dihadiri bersama dan apa yang mengejutkan dapat sambutan layanan yang baik juga daripada suaminya.

Ingin bercakap, si isteri takut memperbesar-besarkan keadaan yang mungkin akan mengeruhkan suasana dan tidak suka bertengkar dengan suami yang ego dan enggan pula mahu mendengar nasihat.



Oleh ROSMAH DAIN

"HARAPKAN panas sampai ke petang, rupanya hujan di tengah hari."

Begitulah diibaratkan kes ini apabila perkahwinan baru yang diharap memberi sinar kebahagiaan rupa-rupanya tidaklah seperti dibayangkan.

Ujian besar pada seorang wanita apabila melihat orang yang diharap kasihnya memberi kasih kepada yang lain.

Secara asas tujuan perkahwinan itu adalah sebagai fitrah semula jadi manusia dalam satu proses hidup yang sihat dan wajar, menemukan pasangan dan rakan kongsi hidup yang sehati dan sejiwa dalam mengharungi suka dan duka kehidupan, mengelakkan maksiat, menjadi penghalang keruntuhan akhlak, melahirkan zuriat dan sebagai ibadah.

Menurut Pensyarah di Jabatan Psikologi dan Kerja Sosial, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, Siti Azura Bahadin, dalam kes ini, suami dilihat seperti kurang pengetahuan dalam hal tanggungjawab, kerana seorang suami harus mengutamakan dahulu keluarganya sekarang, sama ada dari segi makan minumannya, wang belanja, nafkah zahir dan batin malah kasih sayang.

Katanya, segala perbelanjaan berbentuk nafkah hanya layak untuk anak-anak dan bukan untuk bekas isterinya, yang dilihat seolah-olah seperti mengambil kesempatan atas kebaikan bekas suaminya.

"Sebaik-baiknya sikap suami yang berlebih-lebih terhadap bekas isterinya dalam memberi perhatian, bermesra, bergurau dan sebagainya, sudah tidak wujud lagi dalam situasi dia sudah mempunyai isteri baharu.

"Ini kerana perbuatan seperti itu dikhuatiri akan menyebabkan isterinya akan rasa kecil hati dan makan hati.

"Dalam psikologi, cemburu adalah perasaan sakit hati, marah, tidak percaya dan kurang yakin terhadap pasangan. Namun dalam kes ini



SITI AZURA BAHADIN



ModeMega

HUBUNGAN suami isteri harus dilandasi dengan saling mempercayai. -Gambar hiasan

Sebaik-baiknya sikap suami yang berlebih-lebih terhadap bekas isterinya dalam memberi perhatian, bermesra, bergurau dan sebagainya, sudah tidak wujud lagi dalam situasi dia sudah mempunyai isteri baharu

cemburu yang positif boleh menghalang pasangan daripada bertindak di luar batasan.

"Cemburu dalam Islam dibolehkan asalkan ia terkawal dan berpada-pada dalam menanganinya," katanya.

Dalam pada itu Siti Azura memberitahu, antara kesan psikologi kepada pasangan akibat memendam perasaan ialah boleh menimbulkan stres, kemurungan dan gangguan emosi.

Stres yang tidak sihat dan tidak terkawal boleh menjejaskan daya tahan tubuh dan mengganggu kesihatan serta mengundang pelbagai penyakit seperti sakit jantung, kanser dan seumpamanya.

Jika dibiarkan berlarutan katanya, situasi ini boleh memberi kesan kepada keharmonian rumah tangga seseorang, berlaku pertengkaran, tidak puas hati dan mengundang kepada perceraian.

"Antara saranan yang boleh dilakukan adalah berbincang atau bermusyawarah antara suami dan isteri, yang mana si isteri harus meluahkan rasa dan memberitahu apa yang dia mahukan dan menjelaskan keadaan yang tidak betul berlaku.

"Suami juga harus tutup buku lama dan membuka buku baharu dalam erti kata lain melupakan kisah-kisah lama dan membina hidup baharu dengan isterinya yang terkini.

"Bekas isteri pula harus faham dan tidak mengambil kesempatan atas kebaikan suami dan berpada-pada meminta hak anak-anak dan bukan atas untuk kepentingan peribadi," katanya.

Selain itu kata Siti Azura, isteri juga disaran mendapatkan bantuan khidmat nasihat daripada orang yang ketiga agar perkara ini tidak berlarutan.

"Kesimpulan, rumah tangga ini ibarat kita melayari bahtera, mesti ada unsur kerjasama, tolah ansur, belas kasihan dan semestinya berkasih sayang.

"Godaan dan rintangan pasti ada tetapi harus ditangani secara matang dan bersabar. Allah tidak akan menguji melebihi kesanggupan seseorang," jelasnya.